

BAB KETIGA
KANA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA

(كَانَ وَأَخْوَانُهَا)

- 3 - 0 PENDAHULUAN
- 3 - 1 AMAL KĀNA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA
- 3 - 2 KATEGORI KĀNA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA DARI
ASPEK SYARAT-SYARAT AMAL
- 3 - 3 MAKNA KATA KERJA KĀNA DAN KOMPONEN-
KOMPONENNYA
- 3 - 4 PENGGUNAAN KĀNA DAN KOMPONEN-KOMPONEN
SEBAGAI KATA KERJA LENGKAP (الْفِعْلُ التَّام)
- 3 - 5 KATEGORI KĀNA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA DARI
ASPEK TASRIF (التَّصْرِيف)
- 3 - 6 KAEDAH KATA KERJA KĀNA DAN KOMPONEN-
KOMPONENNYA DALAM AYAT NAMAAN
- 3 - 7 CIRI-CIRI KHUSUS BAGI KATA KERJA KĀNA
- 3 - 8 PENUTUP

BAB KETIGA

KANA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA

(كَانَ وَأَخْوَانُهَا)

3.0 PENDAHULUAN:

Sebagaimana telah dijelaskan dalam bab pertama bahawa kána dan komponen-komponennya ialah antara al-nawāsikh yang terdiri dari kata kerja-kata kerja. Apabila ia digunakan pada ayat namaan al-nawāsikh ini mengubah hukum ayat namaan daripada subjek dan predikat kepada hukum lain. Subjek dinamakan isimnya (اسْمُهَا), manakala predikat pula dinamakan khabarnya (خَبَرُهَا).

Sebahagian ahli tata bahasa `Arab menamakan kana dan komponen-komponennya sebagai kata-kata kerja tak lengkap (الرُّفْعُ الناقِصُ). Mereka menamakan demikian kerana pemakaiannya dalam ayat tidak menjadi sempurna tanpa disertai dengan khabar yang mansub (accusative).¹ Ianya berbeza dengan kata kerja lengkap (الرُّفْعُ التَّامُّ) yang hanya memadai dengan disebut pelakunya (الرُّفْعُ السَّامِ) yang marfu'nya (Nominative) sahaja.

¹Abdul Bāri al-Ahdal, *al-Kawākib al-Durriyyah*, Maktabah wa Majba'ah Dār al-Maārif, Pulau Pinang, Juz 1, hal.

3.1 `AMAL KATA KERJA-KATA KERJA KANA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA (عَمَلُ كَانَ وَأَخَوَاتُهَا)

Sebelum menerangkan `amal kāna dan komponen-komponennya penulis perlu menjelaskan terlebih dahulu mengenai beberapa istilah naḥu dan yang berkaitan dengannya, seperti pengertian `amal (عَمَلٌ), `āmil (عَامِلٌ) dan ma'mūl (مَعْمُولٌ) -

a) `Amal dinamakan juga i'rāb (Action of declension) berarti perubahan i'rāb yang dilakukan oleh `amil pada akhiran perkataan samada marfū' (Nominative), manṣūb (Accusative), majrūr (Genitive) atau majzūm (مَجْزُومٌ)

b) Āmil (عَامِلٌ), bermakna perkataan yang disebut atau diandaikan wujud dalam ayat yang boleh mengubah kedudukan i'rāb dan penanda baris (Vowel) pada huruf akhir perkataan-perkataan selepasnya. Āmil ada dua jenis, iaitu `amil lafzī (الْعَامِلُ اللَّفْظِيُّ) dan `amil ma'nawī (الْعَامِلُ الْمَعْنَوِيُّ)

`Amil lafzī ialah perkataan yang disebut dalam ayat namaan dan boleh mempengaruhi perubahan i'rāb pada perkataan-perkataan selepasnya. Āmil lafzī ini terdiri dari kata kerja (الْفِعْلُ), partikel jar (حَرْفُ الْجَرِّ) kata kerja kāna dan sebagainya.

Manakala 'amil ma'nawi pula tidak disebut dalam ayat tetapi mempengaruhi perubahan i'rāb pada perkataan selepasnya. Ia terdiri dari mubtada', ketiadaan penggunaan partikel naṣab (حَرْفُ النَّصْبِ) dan jāzim (حَرْفُ الْجَزْمِ) pada kata kerja kala kini dan sebagainya.

c) Ma'mul (مَعْمُولٌ) ialah perkataan yang menerima perubahan i'rāb

atau baris vokal sebab dipengaruhi oleh amil. Ianya terdiri dari kata kerja kala kini (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dan kata nama-kata nama kecuali kata nama verba (اسْمُ الْفِعْلِ) dan kata nama suara (اسْمُ الصَّوْتِ) atau onomatopoeic².

Kata kerja kāna dan komponen-komponennya - sebagaimana telah disebutkan - adalah juga merupakan 'amil kerana ia mempengaruhi struktur i'rāb pada perkataan-perkataan selepasnya.

Amal kāna dan komponen-komponennya ialah mengubah hukum i'rāb pada ayat namaan yang terdiri dari subjek dan predikat kepada hukum lain, yang mana sesudah pemakaiannya, subjek (الْمُبْتَدَأُ) dinamakan isimnya (اسْمُهَا)

²Muṣṭafa al-Ghayaliny, *Jāmi' al-Durūs al-'Arabiyyah*, al-Maktabah al-'Aṣriyyah, Beirut,

1990M, Juz 2, hal. 170-172

yang marfū', manakala predikat pula dinamakan khabarnya (خبرها) yang manṣūb.

Contohnya; ayat namaan: (مُحَمَّدٌ مُجْتَهِدٌ) "Muhammad seorang yang rajin". Apabila digunakan kāna dalam ayat namaan tersebut ia berubah menjadi (كَانَ مُحَمَّدٌ مُجْتَهِدًا) "Muhammad adalah seorang yang rajin".

Perkataan مُحَمَّدٌ ialah menjadi isim kāna yang marfū', manakala perkataan مُجْتَهِدًا pula menjadi khabar kāna yang manṣūb.

3.2 KATEGORI KĀNA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA DARI ASPEK SYARAT-SYARAT AMAL:

Kata kerja tak lengkap kāna dan komponen-komponennya ini, jika dikaji dari aspek syarat-syarat amalnya, terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:-

a) Kata kerja yang amalnya merafa'kan muftada' dan menaṣabkan khabar secara mutlak, yakni tanpa syarat. Kata kerja ini ialah kāna (كَانَ), aṣbaḥa (أَصْبَحَ), adḥā (أَضْحَى), amsā (أَمْسَى), ḡalla (ظَلَّ), bāta (بَاتَ), šara (لَيْسَ) dan laisa (لَيْسَ).

b) Kata kerja yang beramal dengan syarat didahului oleh partikel negatif (الْثَقْبِي) atau yang seumpamanya. Kata kerja ini ialah: zāla (زَالَ), infakka (انْفَكَ) fati'a (فَتِيَ) dan bariḥa (بَرِحَ)

c) Kata kerja yang beramal dengan syarat didahului oleh 'mā' maṣdariyyah ṣarfīyyah (مَا الْمَصْدَرِيَّةُ الظَّرْفِيَّةُ) Kata kerja ini ialah dāma (دَامَ). Dinamakan 'mā' maṣdariyyah kerana kata kerja ini diandaikan dengan kata sumbernya (الْمَصْدَرُ) , iaitu al-dawam (الدَّوَامُ) dan dinamakan 'ma' ṣarfīyyah kerana ianya mewakili adverba kala (ظَرْفُ الزَّمَانِ) , iaitu al-muddah (الْمُدَّةُ) ertinya tempoh masa³.

3.3 MAKNA KATA KERJA KĀNA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA:

Makna kata kerja tak lengkap (incomplete) kāna dan komponen-komponennya adalah seperti berikut:

³ Ibn Hisyām, *Syarḥ Qaṭr al-Nadā wa Ball al-Ṣadā*, Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, hal.

a) Kata kerja kāna (كَانَ):-

Kata kerja kāna mempunyai dua maksud :

(i) Bersifat ismnya dengan makna khabarnya pada kala lampau dan

kala kini serta kala depan. Contohnya; firman Allah s.w.t: (كَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا)

"Adalah Allah itu Maha Pengampun lagi Penyayang" - al-Aḥzab:50.

Perkataan Allah (الله) adalah ism kāna (اسْمُ كَانَ) manakala ghafūran (غَفُورًا)

adalah khabar kāna (خَبَرُ كَانَ) di sini, kāna memberi makna bersifat isimnya

iaitu الله dengan makna khabarnya iaitu keampunan (مَغْفِرَةٌ) dan rahmat (رَحْمَةٌ)

pada kala lampau, kala kini dan kala depan, yakni setiap masa.⁴

(ii) Bersifat ism dengan makna khabarnya pada kala lampau sahaja.

Contohnya: (كَانَ الشَّيْخُ شَابًّا) "Adalah dahulunya orang tua itu seorang pemuda".

b) Kata kerja aṣbaḥa (أَصْبَحَ). Aṣbaḥa bermaksud bersifat ism

dengan makna khabarnya pada waktu pagi atau subuh. Contohnya:

⁴Abdul Bārī al-Aḥdal, *Al-Kawākib al-Durriyyah*, Dār al-Mā'arif, Pulau Pinang, Juz 1, hal. 86

(أَصْبَحَتِ الشَّمْسُ مُشْرِقَةً) "Pada waktu pagi matahari itu bersinar menyerlah".

c) Kata kerja *aḍḥa* (أَضْحَى), bermaksud bersifat ism dengan makna khabarnya pada waktu ḍuḥa. (ضُحًى). Contohnya: (أَضَحَتِ الْوَرْدَةُ مُتَفَتِّحَةً) "Bunga itu telah berkembang pada waktu ḍuḥa".

d) Kata kerja *amsā* (أَمْسَى), bermaksud bersifat ism dengan makna khabarnya pada waktu petang. Contohnya: (أَمْسَى الْمَطَرُ غَزِيرًا) "Adalah hujan menjadi lebat pada waktu petang".

e) Kata kerja *ẓalla* (ظَلَّ), bermaksud bersifat ism dengan makna khabarnya sepanjang waktu siang hari. Contohnya: (ظَلَّ مُحَمَّدٌ صَائِمًا) "Sepanjang waktu siang hari Muhammad berpuasa".

f) Kata kerja *bāta* (بَاتَ), bermaksud bersifat ism dengan makna khabarnya sepanjang waktu malam. Contohnya: (بَاتَ النَّجْمُ لَا مِيعًا) "Sepanjang malam bintang itu berkelipan".

g) Kata kerja *ṣāra* (صَارَ) bermaksud perubahan ismnya dari satu situasi kepada situasi yang lain. Contohnya (صَارَ الْفَقِيرُ غَنِيًّا) "Telah berubah si fakir itu menjadi kaya".

Di sana terdapat beberapa kata kerja yang bukan tergolong dalam komponen-komponen *kāna* akan tetapi kadang-kadang ia membawa makna yang sama dengan *ṣāra* (صَارَ). Kata-kata kerja ini seperti *āḍa* (آضَ), *irtadda* (ارْتَدَّ), *istahāla* (اِسْتَحَالَ), *tahawwala* (تَحَوَّلَ) dan *ghadā* (غَدَا).

Contohnya: - (ارْتَدَّ الْأَعْمَى بَصِيرًا) "Si buta itu telah bertukar menjadi celik",

- (غَدَا الْجَوُّ هَادئًا) "Udara itu telah berubah menjadi tenang".

- (آضَ الطَّيْنُ عَجِينًا) "Tepung itu telah berubah menjadi yang diuli"

- (اِسْتَحَالَ الْخَشَبُ فَحْمًا) "Kayu itu telah bertukar menjadi arang"

- (غَدَا الطَّقْسُ حَارًا) "Suhu ini telah berubah menjadi panas"

- (تَحَوَّلَ السَّحَابُ مَطَرًا) "Awan itu bertukar menjadi hujan"

h) Kata kerja *laisa* (لَيْسَ) bermaksud menafikan bersifat ism dengan makna khabarnya pada masa pertuturan diujarkan. Contohnya

(لَيْسَ الْقِطَارُ قَادِمًا) "Keretapi itu belum tiba lagi". Ayat ini tidak menafikan

ketibaan keretaapi pada kala lampau dan kala depan, tetapi hanya menafikan ketibaan keretaapi pada masa pertuturan itu diucapkan.

i) Kata kerja mā zāla (مَا زَالَ), mā fati'a (مَا فَتِيَ) mā infakka (مَا انْفَكَّ)

dan mā bariha (مَا بَرِحَ), kesemuanya memberi makna yang sama, iaitu samada membawa makna sentiasa bersifat ism dengan khabarnya atau pun masih lagi demikian sehingga waktu ayat itu diucapkan.

Contoh I: (مَا زَالَ الْفِيلُ كَبِيرَ الْأُذُنَيْنِ) "Gajah itu kedua-dua telinganya

sentiasa besar". Maknanya gajah itu sentiasa bersifat demikian.

Contoh II: (مَا زَالَ الْحَارِسُ وَاقِفًا) "Pengawal itu masih lagi berdiri", iaitu

sehingga ayat itu diucapkan.

Begitu juga maksud ayat di atas sama sahaja apabila tempat kata kerja mā zāla (مَا زَالَ) diganti dengan dengan komponen lain iaitu mā fati'a (مَا فَتِيَ) mā infakka (مَا انْفَكَّ) dan mā bariha (مَا بَرِحَ)

j) Kata kerja mā dama (مَا دَامَ), memberi makna berterusan keadaan

selama masa bersifat ism dengan khabarnya. Contohnya: Firman Allah s.w.t.

(وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا) "Dan diwasiatkanNya kepadaku

(mengerjakan) sembahyang dan (membayarkan) zakat selama masa kau masih hidup" - (Maryam:31).

Contohnya lagi: (سَأُحِبُّكَ مَا دُمْتُ مُطِيعًا رَبِّكَ) "Saya akan menyintaimu

selama masa awak masih taat kepada Tuhanmu".

3.4 PENGGUNAAN KĀNA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA SEBAGAI

KATA KERJA LENGKAP (الْفِعْلُ التَّامُّ)

Sebagaimana yang telah dijelaskan, bahawa pada asalnya kata kerja kĀna dan komponen-komponennya adalah merupakan kata kerja-kata kerja tak lengkap (الْأَفْعَالُ النَّاقِصَةُ). Bagaimanapun ada kalanya ia digunakan juga

sebagai kata kerja lengkap (الْأَفْعَالُ التَّامَّةُ) kecuali kata kerja mā fati'a (مَا فَتِيْ),

mā zāla (مَا زَالَ) dan (لَيْسَ) yang tetap sebagai kata kerja-kata kerja tak

lengkap.⁵

Apabila kata kerja-kata kerja ini digunakan sebagai kata kerja-kata kerja lengkap, ia tidak lagi memerlukan kepada khabar (Predicate) yang

⁵Ibid, hal.91-92

mansub, malah struktur ayat telah menjadi sempurna dengan hanya disebut pelakunya (الْفَاعِل) yang marfu' sahaja. Selain dari itu, ia juga membawa makna yang berbeza dengan makna asalnya sebagai kata kerja-kata kerja tak lengkap.

Contoh-contohnya:

I) Firman Allah s.w.t. (وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ) "Jika orang

yang berhutang dalam kesempitan, tunggulah hingga waktu kelapangan" - al-Baqarah: 280. Di sini kana (كَانَ) adalah kata kerja lengkap, perkataan zu (ذُو) adalah pelaku (فَاعِل) kepada kata kerja kana.

II) Firman Allah s.w.t. (فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ) "Maha

suci Allah ketika kamu masuk pada waktu petang dan ketika kamu masuk pada waktu subuh" - al-Rum: 17. Di sini perkataan tumsuna (تُمْسُونَ) dan

tusbihuna (تُصْبِحُونَ) adalah kata kerja kala kini (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ), dan kata kerja

kala lampaunya ialah amsa (أَمْسَى) dan asbaha (أَصْبَحَ). Kedua-dua perkataan

ini digunakan sebagai kata kerja lengkap. Partikel al-jama' (وَأَوُ الْجَمْعِ) pada

perkataan (تُمْسُونَ) dan (تُصْبِحُونَ) adalah sebagai pelaku (فَاعِل).

III) Firman Allah s.w.t.: (خَالِدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ) "Mereka

kekal di dalamnya (syurga) selama kekal langit dan bumi" - Hud: 108.

Perkataan mā dāmat (مَا دَامَتْ) dalam ayat ini adalah kata kerja lengkap.

Perkataan (السَّمَوَاتُ) sebagai pelaku (فَاعِلٌ).

Dalam contoh-contoh yang tersebut di atas, kata kerja kāna dan komponen-komponennya adalah merupakan kata kerja-kata kerja lengkap. Oleh itu tidak diperlukan khabar yang manṣūb untuk menyempurnakan ayat.

3.5 KATEGORI KĀNA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA DARI ASPEK

تَأْشِيرٌ (التَّضَرُّيفُ)

Kata kerja kāna dan komponen-komponennya bukan selamanya terhad kepada kala lampau sahaja, malah ada sebahagian daripadanya boleh diderivasikan kepada kata kerja kala kini dan sebagainya.

Dari aspek 'amalnya, walau pun ia tidak digunakan dalam bentuk kala lampau, tetapi kata kerja-kata kerja ini masih lagi beramal dengan merafa'kan ism dan menaṣabkan khabar (تَرْفَعُ الْاسْمَ وَتَنْصِبُ الْخَبَرَ) seperti kata kerja kala

lampau juga. Ibn Malik (672H.) ada menjelaskan:

(وَعَبَّرَ مَا ضَمَّ مِثْلَهُ قَدْ عَمِلًا * إِنْ كَانَ غَيْرَ الْمَاضِي مِنْهُ اسْتَعْمِلَ)

"Kata kerja kana dan komponen-komponennya jika digunakan dalam bentuk yang bukan kala lampau , ia juga beramal sama seperti kata kerja kala lampaunya juga".⁶

Sehubungan dengan ini, pakar tata bahasa Arab telah membahagikan kāna dan komponen-komponennya dari aspek taṣrīf (Variability) kepada tiga kategori:-

a) Kata kerja yang primitif atau jāmid (الْجَامِد). Kata kerja ini hanya kekal dalam bentuk kala lampau sahaja. Ia tidak boleh menerima tasrif. Kata kerja ini ialah laisa (لَيْسَ) dan dāma (دَامَ).

b) Kata kerja yang hanya menerima taṣrīf secara terhad sahaja, iaitu boleh ditaṣrifkan kepada kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini dan kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ). Kata kerja zāla (زَالَ), fati'a (فَتِيَ), infakka (انْفَكَّ) dan bariḥa (بَرِحَ).

Contohnya:

(صَاحَ شَمْرٌ وَلَا تَزَلْ ذَاكِرَ الْمَوْتِ * تَفْسِيئُهُ ضَلَالٌ مُبِينٌ)

⁶Ibn 'Aqīl, *Syarḥ Ibn 'Aqīl*, Muḥammad Muḥyiddin`abd Hamid (ed), Dār al-Fikr, Juz. 1, hal 286

"Wahai sahabatku beribadatlah dan bekerjalah bersungguh-sungguh dan sentiasalah engkau mengingati kematian kerana melupakan kematian itu membawa kepada kesesatan yang nyata".⁷

Kata kerja tazal (تَزَلْ) di sini adalah kata kerja kala kini yang mana `amalnya sama seperti kata kerja kala lampainya juga, ismnya ialah ganti nama yang digugurkan dalam ayat, iaitu anta (أَنْتَ), khabarnya pula ialah perkataan zākira (ذَاكِرٌ).

c) Kata kerja yang menerima taṣrīf secara lengkap (Complete variable). Kata kerja-kata kerja ini digunakan dalam bentuk kata kerja kala lampau (الْفِعْلُ الْمَاضِي), kala kini (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ), imperatif (فِعْلُ الْأَمْرِ) kata nama pelaku dan infinitif atau maṣdar (الْمَصْدَر).

Kata kerja-kata kerja ini ialah kāna (كَانَ), aṣḥaba (أَصْبَحَ), aḍḥā (أَضْحَى), amsā (أَمْسَى), zalla (ظَلَّ), bāta (بَاتَ) dan ṣāra (صَارَ).

⁷ Muḥammad `Abdul `Azīz al-Najjār, *Diya al-Sālik Ilā Auḍāḥi al-Masālik*, al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, Kaherah, Juz 1, hal 212.

Contoh I: Firman Allah s.w.t. (كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ) "Hendaklah kamu tegakkan keadilan".

Perkataan (كُونُوا) adalah kata kerja imperative dari kāna (كَانَ). Ismnya ialah partikel wau jama' dan khabarnya ialah (قَوَّامِينَ)

Contoh II: Kata penyair:-

(وَمَا كُلُّ مَنْ يُبْدِي الْبَشَاشَةَ كَانِنًا * أَخَاكَ، إِذَا لَمْ تُلْقِهِ لَكَ مُنْجِدًا)

"Bukan semua orang yang menunjukkan muka yang manis itu adalah kawan yang jujur kepadamu, sebelum kamu mendapatinya sebagai orang yang memberi pertolongan semasa kamu menghadapi kesusahan".⁸

Perkataan (كَانِنًا) dalam bait syair di atas adalah kata nama pelaku dari kāna (كَانَ). Ismnya ialah ganti nama orang ketiga, yang telah digugurkan.

Perkataan (أَخَا) ialah khabar kepada (كَانِنًا)

Contoh III:-

(كَوْنُكَ شَرِيفًا مَعَ الْفَقْرِ خَيْرٌ مِنْ كَوْنِكَ دَنِيئًا مَعَ الْغِنَى)

⁸Ibid, hal. 216

"Keadaan kamu yang mulia di samping kemiskinan itu adalah lebih baik daripada keadaan kamu yang hina di samping kekayaan".⁹

Perkataan (كَوْنُ) adalah kata masdar dari (كَانَ). Partikel kāf (كَ) adalah ismnya, dan perkataan (شَرِيفًا) pula menjadi khabar (خَيْرٌ) kepadanya.

3.6 KAEDAH KATA KERJA KĀNA DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA DALAM AYAT NAMAAN:

Dalam tata bahasa Arab, `amil kĀna dan komponen-komponennya (كَانَ وَأَخْوَالُهَا) diletakkan terlebih dahulu dari dua ma'mūlnya, iaitu ism dan khabarnya. Bagaimanapun, diharuskan khabarnya ditempatkan di tengah-tengah antara `amil dan ismnya.

Contoh I: Firman Allah s.w.t.:

(وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ الْمُؤْمِنِينَ)

"Dan adalah hak kami menolong orang-orang yang beriman" al-Rum: 47.

⁹Ibn Hisyām, *Syarḥ Qaṭr al-Nadā wa Ball al-Ṣadā*, al-Maktabah al-Tijāriyyah al-kubrā, Kaherah hal. 181

Dalam ayat ini, kita dapati perkataan (حَقًّا) ialah sebagai khabar kepada

(كَانَ). Kedudukannya mendahului perkataan (نُصِرُ) iaitu ism kāna.

Contoh II: Kata penyair:

(سَلِيَ إِنْ جَهِلْتَ النَّاسَ عَنَّا وَعَنْهُمْ * فَلَيْسَ سَوَاءَ عَلِيمٌ وَجَاهِلٌ)

"Tanyalah orang ramai tentang kami dan mereka itu,
jika awak tidak mengetahuinya, kerana tidak sama antara orang yang
mengetahui dan orang yang jahil".¹⁰

Perkataan (سَوَاءٌ) yang menjadi khabar bagi kata kerja (لَيْسَ) diletakkan

terdahulu dari (عَلِيمٌ) iaitu ismnya. Kedudukannya di tengah-tengah antara kata
kerja laisa dan ismnya.

Mengikut kaedah yang biasa, khabar mestilah dikemudiankan dari kata
kerja laisa dan ismnya.

¹⁰Abdul Bāri al-Ahdal, *Al-Kawākib al-Durriyyah*, Dār al-Maārif, Pulau Pinang, Juz 1, hal. 86

Adakalanya pula, didapati khabar mendahului `amil dan ismnya sekali.

Contohnya: (عَالِمًا كَانَ زَيْدٌ)¹¹. Perkataan (عَالِمًا) adalah khabar yang

mendahului (كَانَ) dan ismnya (زَيْدٌ).

Adapun kata kerja laisa (لَيْسَ) dan dāma (دَامَ), kebanyakan ahli bahasa

Arab tidak membolehkan khabar mendahuluinya. Jadi adalah salah dari aspek

nahu Arab, jika dikatakan seperti (وَأَقْبًا مَا دَامَ زَيْدٌ) dan salah juga jika dikatakan

(دَامَ) , kerana kedudukan khabar mendahului kata kerja dāma (دَامَ)

dan laisa (لَيْسَ)

3.7 CIRI-CIRI KHUSUS BAGI KATA KERJA KANA (كَانَ):

Kata kerja kāna (كَانَ) adalah kata kerja tak lengkap (نَاقِصٌ) yang paling

populer dan lebih banyak digunakan dalam ayat jika dibandingkan dengan

kata kerja dari kalangan komponen-komponennya. Kāna juga mempunyai

beberapa ciri khusus yang tiada terdapat pada komponen-komponennya yang

lain. Antara ciri-ciri itu ialah:-

¹¹Ibid, hal. 184

a) Kāna (كَانَ) boleh menjadi zā'idah (زَائِدَةٌ), iaitu sebagai penambahan

yang tidak beramal. Oleh itu, ia tidak memerlukan kepada ism dan khabar atau seumpamanya. Kewujudannya dalam ayat tidak membawa apa-apa perubahan makna kecuali untuk penegasan sahaja¹². Kata kerja kāna ini boleh menjadi zā'idah dengan dua syarat:-

(i) Kāna mestilah berada dalam bentuk kata kerja lampau (الْفِعْلُ الْمَاضِي)

(ii) Ia juga mesti ditempatkan di antara perkataan-perkataan yang saling memerlukan antara satu sama lain, seperti ditempatkan antara muftada' dan khabar, kata kerja dan pelakunya, partikel jar dan majrūr, kata nama relatif (الاسْمُ الْمَوْصُولُ) dan silahnya (الصَّلَةُ), ma ta'ajubiyah dan kata kerjanya (مَا التَّعْجِيبِ) dan fi'l at-ta'ajjub (فِعْلُ التَّعْجِيبِ)

Sehubungan ini, Ibn Malik (672H) ada menyebut:

(وَقَدْ تَزَادَ كَانَ فِي حُسْنٍ كَمَا * كَانَ أَصَحَّ عِلْمٌ مِّنْ تَقَدُّمًا)

¹² Muhammad Abdul Aziz al-Najar, opcit, Juz. 1: Hal 215.

"Kadang kala kāna (كَانَ) dijadikan zāidah (زَائِدَةٌ) antara dua perkataan

yang saling memerlukan seperti: مَا كَانَ أَصَحَّ عِلْمٍ مَنْ تَقَدَّمَ

pengetahuan orang yang terdahulu").¹³

Contohnya:-

i) (الْمُبْتَدَأُ) subjek (الْفِطَارُ) perkataan (الْقِطَارُ كَانَ قَادِمًا) "Keretapi itu tiba".

perkataan (كَانَ) adalah zāidah tanpa amalan dan (قَادِمًا) adalah predikat (الْخَبَرُ)

ii) (مَا) Partikel (مَا كَانَ أَطْيَبَ كَلَامًا) "Alangkah baiknya kata-kata awak.

ialah ta'ajjubiyyah (التَّعْجِيبِيَّةُ), (كَانَ) pula (زَائِدَةٌ) tanpa amal, (أَطْيَبَ) ialah kata

kerja ta'jjub (فِعْلُ التَّعْجُّبِ)

Dalam ayat di atas, sekiranya digugurkan (كَانَ) ianya tidak

mencatatkan kesempurnaan ayat.

b) Harus digugurkan (كَانَ) berserta ismnya dan dikekalkan khabarnya

sahaja dalam ayat. Keadaan seperti ini biasanya banyak berlaku selepas

partikel 'in' al-syarṭiyyah (إِنْ الشَّرْطِيَّةُ) dan lau al-syarṭiyyah (لَوْ الشَّرْطِيَّةُ), iaitu

partikel al-syarṭiyyah (conditional) yang tidak menjazamkan (jussive) kata

¹³ Ibn Aqil, opcit, Juz. 1. hal.288

kerja. Sebabnya ialah kedua-dua partikel ini memerlukan dua kata kerja, jadi dengan digugurkan salah satunya ia lebih meringkaskan percakapan.¹⁴

Contohnya: (I)

(النَّاسُ مَجْزُؤُونَ بِأَعْمَالِهِمْ، إِنْ خَيْرًا فَخَيْرٌ وَإِنْ شَرًّا فَشَرٌّ)

"Setiap orang diberi balasan mengikut amalan mereka, jika baik maka baiklah balasannya, dan jika buruk maka buruklah balasannya".

Dalam contoh ayat tersebut kana (كَانَ) digugurkan bersama ismnya, asal urutan ayatnya ialah: (إِنْ كَانَ عَمَلُهُمْ خَيْرًا فَجَزَاؤُهُمْ خَيْرٌ) "Jika adalah amalan mereka itu baik maka balasan bagi mereka itu juga baik".

Kita lihat di sini bahawa kata kerja (كَانَ) dan ismnya (عَمَلٌ) telah digugurkan. Tujuannya ialah untuk meringkaskan percakapan.

Contoh (II): Sabda Rasulullah s.a.w. (كُزُوجٌ وَلَوْ بِخَائِمٍ مِّنْ حَدِيدٍ)

"Berkahwinlah kamu walaupun dengan maskahwin sebetuk cincin".
Andaian ayat ialah (كُزُوجٌ وَلَوْ كَانَ الزَّوْاجُ بِخَائِمٍ مِّنْ حَدِيدٍ) "Berkahwinlah

¹⁴Muhammad Abdul Aziz al-Najjar, *opcit*, hal

walaupun perkahwinan itu dengan maskahwin sebertuk cincin". Dalam ayat ini, kāna bersama isimnya digugurkan, iaitu iaitu (الزَّوْجُ)

c) Ciri khusus yang ketiga ialah harus digugurkan partikel nūn (ن) pada kata kerja kala kini (الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ) dari kata kerja kāna (كَانَ) dengan beberapa syarat:

(i) Kata kerja kāna kala kini itu majzūm (jussive) dengan baris (vowel) mati (السُّكُونُ).

(ii) Kata kerja itu tidak disusuli selepasnya dengan baris mati (Quiescence).

(iii) Kata kerja itu tidak bersambung dengan ganti nama yang manṣūb.

(iv) Kata kerja itu tidak dihentikan bacaan (الْوَقْفُ) pada nunnya.

Contohnya: Firman Allah s.w.t. (وَلَمْ أَكُ بَغِيًّا) "...dan aku adalah bukan orang jahat" - Maryam: 20.

Di sini perkataan (أَكُ) berasal dari perkataan (أَكُونُ). Kemudian digantikan penanda baris dammah (الضَّمَّةُ) pada partikel (أَكُونُ) dengan baris sukūn (السُّكُونُ) kerana ia menjadi majzūm apabila didahului oleh partikel jāzim

(أداة الجزمة) , iaitu lam (لَمْ), maka ia bertukar menjadi (أَكُونُ). Sesudah itu

dibuangkan pula vokal waw (الْوَاو) pada (أَكُونُ) kerana berlaku pertembungan

antara dua sukun, lalu ia menjadi (أَكُنْ). Pengguguran waw ini adalah wajib

mengikut tata bahasa Arab.

Setelah itu digugurkan pula partikkel nun (ن) pada (أَكُنْ) lalu menjadi

(أَكُ). Pengguguran nun ini adalah harus, kerana ia menjadi salah satu dari ciri-

ciri khusus bagi kata kerja kana kala kini. Pengkhususan ini telah dibuktikan oleh para nahan berdasarkan ayat yang tersebut sebagai contoh dan ayat-ayat lain dalam al-Quran serta bait-bait syair dalam bahasa Arab.

Penulis sengaja tidak mengemukakan huraian lebih lanjut lagi kerana dikira sudah jelas dan memadai dengan contoh-contoh yang sudah diberikan.

3.8 PENUTUP

Kāna dan komponen-komponennya dinamakan al-nawāsikh kerana peranannya mengubah hukum i'rāb pada ayat namaan yang terdiri dari subjek dan predikat kepada hukum lain yang dinamakan ism dan khabarnya.

Selain itu, kāna dan komponen-komponennya juga dinamakan kata kerja-kata kerja tak lengkap (الْأَفْعَالُ النَّاقِصَةُ), kerana ia memerlukan adanya khabar yang manṣūb (accusative) untuk menjadi satu ayat yang lengkap (الْجُمْلَةُ الْمُفِيدَةُ), kecuali apabila kata kerja-kata kerja ini digunakan sebagai kata kerja-kata kerja lengkap (الْأَفْعَالُ التَّامَّةُ) yang mana kata kerja-kata kerja ini hanya memerlukan kata nama pelakunya (الْفَاعِلُ) yang marfu' sahaja.

Adapun `amal kata kerja-kata kerja tak lengkap kāna dan komponen-komponennya ialah merafa'kan ismnya (non of to be) dan menaṣabkan khabarnya.

Kata kerja kāna dan komponen-komponennya antaranya ada yang beramal tanpa syarat, ada yang beramal dengan syarat didahului oleh partikel nafi (النَّفْيُ) atau seumpamanya (شِبْهُ النَّفْيِ) dan ada juga yang beramal dengan syarat didahului oleh partikel mā maṣdariyyah zarfiyyah (مَا الْمَصْدَرِيَّةُ الظَّرْفِيَّةُ)

Jika kata kerja-kata kerja ini digunakan dalam bentuk bukan kala lampau (الْفِعْلُ الْمَاضِي) ia juga masih tetap beramal seperti `amal kata kerja kala lampainya juga, iaitu merafa'kan ism dan menaṣabkan khabar.

Sebagai kata kerja yang paling kerap digunakan, kāna (كَانَ)

mempunyai beberapa keistimewaan yang tidak didapati pada komponen-komponen yang lain, seperti ia boleh menjadi zāidah (زَائِدَةٌ), harus digugurkan dalam ayat bersama ismnya dan harus digugurkan partikel nūn (ن) pada kata kerja kala kini dengan beberapa syarat.

Dalam bab keempat penulis akan menghuraikan mengenai kata kerja kāda dan komponen-komponennya (كَادَ وَأَخَوَاتُهَا) yang mana meskipun amalnya sama dengan amal kāna dan komponen-komponennya (كَانَ وَأَخَوَاتُهَا), namun dalam beberapa aspek ia mempunyai perbezaan-perbezaan yang perlu dijelaskan.

Oleh itu penulis perlu membuat kajian mengenai kata kerja kāda (كَادَ)

dan komponen-komponennya dalam bab yang berasingan iaitu bab keempat.